

WABAK PALING DAHSYAT YANG PERNAH MENYERANG PENDUDUK MALAYSIA



Oleh: Yusni binti Yusof

Jabatan Tadbir Urus Korporat

Fakulti Pengajian Teknokorporat

yusni@kpbkl.edu.my

Negara kita sudah beberapa kali digemparkan dengan kes-kes penyebaran wabak berbahaya yang cukup ditakuti. Malah perasaan takut itu semakin meruncing apabila laporan tentang jangkitannya sudah mula tiba dan merebak di Malaysia. Antara faktor penularan ini adalah kerana pergerakan keluar masuk penduduk Malaysia yang aktif serta kerap berhubung dengan masyarakat negara luar seperti negara-negara yang terletak di benua-benua seperti di Afrika mahupun negara di benua Asia. Berikut adalah perkongsian maklumat berhubung peristiwa wabak paling menggemparkan masyarakat Malaysia yang menjadi kebimbangan pada satu masa dahulu.

Sindrom Pernafasan Akut Timur Tengah / *Middle East Respiratory Syndrome.*

Wabak yang dipercayai bermula pada sekitar tahun 2014 ini dikatakan dikenal pasti pertama berlaku pada bulan Jun 2012 di Jeddah, Arab Saudi. Kira-kira 2,500 kes telah dilaporkan sehingga Januari 2020 dan kebanyakan kes telah berlaku di Semenanjung Arab. Hampir 35% daripada mereka yang di diagnosis dengan penyakit itu telah meninggal dunia. Warganegara Malaysia yang pertama di diagnosis adalah seorang yang berumur 54 tahun, dimana beliau mengalami masalah pernafasan dan cuba untuk mendapatkan rawatan di klinik sebelum meninggal dunia seminggu kemudian. Pesakit dikatakan baru pulang dari Jeddah, Arab Saudi dalam pertengahan bulan Mac 2014 dan telah berkunjung ke sebuah kawasan penternakan unta dan minum susu unta yang disediakan. Sebagai langkah kesiapsiagaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji (LTH) menjalankan pemeriksaan kesihatan dan pemberian vaksin kepada Jemaah haji.

Virus selsema burung / Avian Influenza

Ia berpunca daripada virus yang juga dikenali dengan 'patogenik tahap tinggi' (HPAI). Terdapat 15 jenis selsema burung yang dikesan tetapi H5 dan H7 paling bahaya, mudah merebak kepada ternakan dan kepada manusia juga. Sejak Disember 2003, wabak *avian influenza A* (H5N1) pada ternakan ayam dan burung liar dikesan di beberapa buah Negara namun pada Jun 2007, virus H5N1 telah membunuh ternakan di Malaysia dimana 60 ekor ayam mati mendadak di Kampung Paya Jaras Hilir Hujung, Sungai Buluh, Selangor. Sampel darah ayam dan calitan najis ayam yang telah diperiksa didapati positif H5N1. Dan pada ketika itu juga 8 orang termasuk 2 orang penduduk dari Kampung Padang, Pokok Sena di Kedah juga disahkan ada H5N1. Sebagai langkah pemantauan dan kawalan, pelbagai langkah telah diambil seperti pemeriksaan semua kenderaan berat seperti lori tiada unggas dibawa keluar serta beribu ekor ayam, itik, angsa dan burung telah dimusnahkan. Sehingga kini masih belum ada vaksin bagi virus H5N1 ini.

Sindrom Pernafasan Akut Teruk / SARS

Wabak yang dipercayai bermula pada sekitar tahun 2002-2004 ini dikatakan meragut jumlah nyawa sekitar 700 mangsa. Ia berpunca daripada sejenis virus haiwan masih belum pasti, mungkin kelawar, yang merebak ke haiwan lain (kucing musang) dan pertama kali menjangkiti manusia di wilayah Guangdong, China selatan pada tahun 2002. Pesakit akan menunjukkan gejala-gejala seperti demam, malaise, myalgia, sakit kepala, cirit-birit, dan menggigil. Sindrom ini pernah menggemparkan Negara kita selepas seorang lelaki dari Jerantut, Pahang yang berusia 64 tahun meninggal dunia selepas pulang dari China, sehari selepas dimasukkan ke wad. Namun, pada Mei 2004, seluruh dunia diisytihar bebas SARS. Tiada rawatan khusus untuk SARS dan sebagai rawatan simptomatik, pesakit yang bergejala dinasihatkan untuk berehat, lebihkan minum air dan dapatkan ubat antipiretik (contohnya Paracetamol) untuk meredakan demam.

Virus nipah

Salah satu virus kesempatan yang unik yang telah ditemui pada tahun 1998 dan pertama kali berlaku di Ipoh, Perak. Ia menjadi satu pengalaman yang sangat terkesan ke atas sistem kawalan wabak di Malaysia. Manusia dan haiwan, iaitu babi dan kelawar

adalah sebagai perumah, pembawa dan mangsa jangkitan. Dipercayai datang daripada haiwan iaitu babi, selepas didapati berjuta ekor babi mengalami demam panas serta masalah pernafasan dan seperti dilaporkan 257 kes jangkitan. 115 orang meninggal dunia selepas mengalami sakit kepala dan demam teruk dalam tempoh 48 jam dan lebih 50 peratus adalah yang bekerja dalam sektor penternakan babi komersial. Sebagai alternative, 1.1 juta babi dibunuh dengan bayaran pampasan RM120 seekor oleh pihak kerajaan kepada penternak.

Dan hari ini, penghujung 2020, dunia sedang berperang menghadapi wabak baru iaitu pandemik penyakit koronavirus ataupun dikenali sebagai Covid-19. Virus ini telah menular di Malaysia pada penghujung Januari 2020. Tidak seperti SARS, nisbah kematian jauh lebih rendah tetapi tahap penularannya jauh lebih tinggi dengan jumlah kematian yang ketara. Tidak dapat disangkal lagi dimana wabak atau setiap pandemik yang menyerang ini memberi kesan yang besar ke atas sesebuah Negara sehingga mampu melumpuhkan ekosistem Negara. Pelbagai tindakan telah diperkuatkuasakan bagi membendung penularan wabak namun ia akan terlaksana dan berjaya dengan sokongan daripada pelbagai pihak. Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada bala, bencana yang melelahkan, kesengsaraan yang bertimpa-timpa, takdir yang buruk dan semua para musuh (atas bala, ujian dan kecelakaan yang menimpa) – Sahih al Bukhari.